

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO DAN SLOGAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) KEMENTERIAN PELANCONGAN, KESENIAN DAN KEBUDAYAAN SARAWAK

1. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN:

- 1.1 Penyertaan adalah terbuka kepada SEMUA WARGA Kementerian Pelancongan, Kesenian Dan Kebudayaan Sarawak yang berminat dan mempunyai daya kreativiti tinggi dalam penciptaan logo beserta slogan.
- 1.2 Penyertaan dalam pertandingan ini adalah PERCUMA dan setiap peserta hanya dibenarkan menghantar satu (1) logo ciptaan beserta slogan bersama borang penyertaan.
- 1.3 Semua ciptaan logo hendaklah ASLI.
- 1.4 Rekabentuk Logo yang dicipta boleh menggunakan grafik komputer mengikut standard JPEG/ GIF/ BMP/PICT atau di lukis dengan tangan (free Hand).
- 1.5 Nama, nombor kad pengenalan, unit/bahagian, nombor telefon serta tandatangan hendaklah dicatatkan di sebelah kanan di belakang hasil ciptaan masing-masing.
- 1.6 Setiap ciptaan hendaklah dikemukakan dalam bentuk 'soft copy' (CD) dan 'hard copy'.
- 1.7 Bukti penghantaran bukan bererti bukti penerimaan.
- 1.8 Keputusan Pengadil adalah muktamad.

2. SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO:

- 2.1 Reka Bentuk logo dan slogan mestilah baru dan asli.
- 2.2 Maksimum bilangan warna yang digunakan dalam reka cipta logo adalah tiga (3) warna.
- 2.3 Tulisan boleh dimasukkan di dalam logo tetapi ianya hendaklah ringkas dan boleh dibaca.
- 2.4 Saiz rekaan tidak melebihi saiz kertas A4.
- 2.5 Logo yang dicipta perlu menggambarkan konsep keseluruhan Amalan EKSA disamping menggambarkan elemen pelancongan, kesenian dan kebudayaan dengan cara memberikan gambaran grafik yang berkesan.
- 2.6 Reka bentuk logo yang dihasilkan perlu menarik, jelas, mudah dan juga kemas.
- 2.7 Setiap warna dan bentuk yang digunakan dalam rekaan logo hendaklah disertakan dengan definisi lengkap bagi setiap simbol mahupun warna yang digunakan.

3. DOKUMEN PERMOHONAN PENYERTAAN

Setiap peserta yang ingin menyertai pertandingan ini dikehendaki menyediakan satu (1) salinan dokumen sepertimana berikut:

- a) BORANG PENYERTAAN
Borang adalah seperti pada Lampiran 1. Borang ini perlu diisi oleh setiap peserta yang ingin menyertai pertandingan ini.
- b) LAYOUT/ DESIGN LOGO
 - i. Layout/ Design Logo hendaklah direka di atas kertas bersaiz A4 dan dikemukakan kepada pihak Urus Setia pertandingan bersama dengan borang penyertaan.
 - ii. Maklumat berikut perlu dinyatakan dengan jelas (menggunkan huruf besar) di belakang hasil karya masing-masing iaitu :
 - a) Nama Penuh

- b) Nombor Kad Pengenalan
- c) Jabatan/unit/bahagian (Alamat Lengkap).
- d) No. Telefon untuk dihubungi.

4. TEMPOH PENYERTAAN

Penyertaan dibuka secara rasmi mulai **27 Oktober 2016 (Khamis) hingga 7 November 2016 (Isnin)**.

5. HADIAH PERTANDINGAN

- 5.1 Hanya tiga reka bentuk logo terbaik sahaja akan disenarai pendek untuk memenangi pertandingan ini. Pemenang hanya layak menerima satu hadiah sahaja.
- 5.2 Pemenang akan menerima wang tunai bernilai Ringgit Malaysia Satu Ratus sahaja (RM100) beserta sijil penghargaan.
- 5.3 Bagi penyertaan yang tidak terpilih sebagai pemenang akan menerima sijil penyertaan daripada pihak Jawatankuasa Induk EKSA Kementerian Pelancongan Sarawak.

6. PANEL PENILAI

- 6.1 Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan MUKTAMAD oleh ahli Panel Penilai yang di pilih oleh Penganjur dan secara undian majoriti oleh warga Kementerian Pelancongan, Kesenian Dan Kebudayaan Sarawak.
- 6.2 Panel Penilai berhak mengubahsuai dan meminda reka bentuk logo yang disertai (sekiranya perlu) dan logo yang terpilih akan diguna pakai dan menjadi HAK MILIK / HAK CIPTA JAWATANKUASA EKSA KEMENTERIAN PELANCONGAN, KESENIAN DAN KEBUDAYAAN SARAWAK.

7. BORANG PENYERTAAN

Borang penyertaan pertandingan boleh diperolehi dari Urusetia pertandingan dan borang penyertaan yang dimurnikan dan logo beserta slogan hendaklah dikemukakan kepada pihak Urusetia pertandingan.

8. TARIKH TUTUP PENYERTAAN

Tarikh tutup penyertaan bagi Pertandingan Mencipta Logo EKSA ini adalah pada **7 NOVEMBER 2016 (Isnin)**.

9. PENYERTAAN YANG LENGKAP BOLEH DIKEMUKAKAN KEPADA:

**Urus Setia,
Pertandingan Mencipta Logo EKSA,
Kementerian Pelancongan, Kesenian Dan Kebudayaan Sarawak,
JK Kerja Promosi EKSA,
Kementerian Pelancongan, Kesenian Dan Kebudayaan Sarawak
(U.p: En. Hasanal Abdul Wahid, Pn. Connie Christopher Kesa, Pn. Nurul Atikah Reji)**



KEMENTERIAN PELANCONGAN, KESENIAN DAN KEBUDAYAAN SARAWAK

BORANG PENYERTAAN

**PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO AMALAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, KESENIAN DAN KEBUDAYAAN SARAWAK**

PERHATIAN

*Sila gunakan satu (1) borang untuk setiap penyertaan.
Borang penyertaan hendaklah ditampal di belakang hasil karya.*

Nama penuh (seperti dalam Kad Pengenalan)	:	Seksyen	:
Unit	:	Umur	:
No. KP (Baru)	:	Jantina	:
Tarikh Lahir	:	Telefon	:
Jawatan	:	Telefon (Mobile)	:
Emel	:		

PERAKUAN PESERTA

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa idea, konsep dan penerangan berkaitan logo yang saya peroleh serta hasil karya logo yang saya sertakan dalam pertandingan ini adalah hasil usaha saya sendiri yang asli dan tidak pernah diterbitkan, disiarkan digunakan, ditiru, diciplak, atau diambil daripada mana-mana pihak atau hasil kerja orang lain. Saya juga akan bertanggungjawab sepenuhnya jika terdapat sebarang tuntutan atau apa jua bentuk tindakan daripada mana-mana pihak terhadap saya yang berkaitan logo ini.

Tandatangan :

Nama :
Tarikh :

UNTUK DIISI URUS SETIA PERTANDINGAN

Tarikh Terima :
Pengesahan :

